

**UCAPAN PERASMIAN
KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
PROGRAM HARI HIJAU LLM
24 OKTOBER 2017**

YBHG. DATO' SRI. IR. DR. ROSLAN B. MD TAHA
KETUA PENGARAH KERJA RAYA

YBHG. DATO' IR. AHMAD 'ASRI ABDUL HAMID
KETUA EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI
PEMBINAAN (CIDB)

Y.BERUSAHA IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN), LLM

YBHG. DATO' SR. AZIZ BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES), LLM

Y.BERUSAHA PUAN ZURAIDA BT. SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN, LLM

Y.BERUSAHA PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN KERJA
RAYA

Y.BERUSAHA KETUA-KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SYARIKAT-
SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN,
YBHG. DATO'-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1NEGARAKU.**

1. TERLEBIH DAHULU SAYA MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YBHG. DATO' TUAN/PUAN IAITU TERUTAMANYA WAKIL-WAKIL DARI KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR (KETTHA), KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR), JABATAN KERJA RAYA (JKR), LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB), JABATAN ALAM SEKITAR DAN SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA SERTA JURUPERUNDING SEMUA KE MAJLIS PELANCARAN *HARI HIJAU LLM 2017* PADA HARI INI. PROGRAM INI MERUPAKAN SATU PROGRAM YANG JULUNG KALI DIADAKAN DAN AKAN DILAKSANAKAN SETIAP TAHUN BERTUJUAN UNTUK MEMBERI KESEDARAN DAN MEMPROMOSI 'LEBUHRAYA HIJAU' DI KALANGAN INDUSTRI LEBUH RAYA. BERSEMPENA DENGAN HARI INI, PELBAGAI PROGRAM DAN AKTIVITI AKAN DIADAKAN. SALAH SATU AKTIVITI YANG TERBESAR DAN JULUNG-JULUNG KALI DIADAKAN ADALAH UNTUK MEMBERI PENARAFAN MALAYSIA GREEN HIGHWAY INDEX (MYGHI) BAGI SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA YANG TELAH MENYERTAI PENILAIAN MYGHI INI PADA TAHUN LEPAS (2016).

2. BERTEMAKAN '*CONNECTING PEOPLE TO NATURE*', PROGRAM INI MENGAITKAN HAL BERKENAAN BAGAIMANA PENTINGNYA WARGA INDUSTRI LEBUHRAYA MENGUTAMAKAN AKTIVITI MENGURANGKAN KADAR PENINGKATAN PENGGUNAAN TENAGA DALAM MASA YANG SAMA DAPAT MENINGKATKAN PEMBANGUNAN EKONOMI; MEMBANTU PERTUMBUHAN DALAM

INDUSTRI TEKNOLOGI HIJAU DAN MENINGKATKAN SUMBANGANNYA KEPADA EKONOMI NEGARA; MENINGKATKAN KEUPAYAAN BAGI INOVASI DALAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI HIJAU DAN MENINGKATKAN DAYA SAING DALAM TEKNOLOGI HIJAU DI PERSADA ANTARABANGSA TERUTAMA DALAM INDUSTRI LEBUH RAYA SERTA MENINGKATKAN PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM TERHADAP TEKNOLOGI HIJAU DAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN MELUAS TEKNOLOGI HIJAU.

3. SEBAGAIMANA KITA SEDIA MAKLUM PADA MASA INI SABAN HARI ISU BERHUBUNG ALAM SEKITAR MENJADI PERKARA UTAMA YANG DIBINCANGKAN DALAM MEDIA MASSA. KADAR PELEPASAN KARBON YANG DICATATKAN JUGA SEMAKIN MEMBIMBANGKAN. IMPAK SECARA LANGSUNG KINI SUDAH DIRASAI BERIKUTAN DARIPADA KEMEROSOTAN KUALITI UDARA. KEADAAN JEREBU, DAN CUACA LUAR JANGKA YANG BERLAKU AMAT MEMBIMBANGKAN KITA. JESTERU ITU PELBAGAI USAHA TELAH DILAKUKAN OLEH KERAJAAN DALAM MENANGANI ISU ALAM SEKITAR INI.

4. TIDAK DINAFIKAN PADA MASA YANG SAMA ASPEK PEMBANGUNAN PERLU DITERUSKAN BAGI MENGUKUH DAN MEREALISASIKAN PELAN TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP). WALAU BAGAIMANAPUN KERANCAKAN PEMBANGUNAN PERLU SEIRING DENGAN USAHA MELESTARIKAN ALAM SEKITAR DEMI KEPENTINGAN GENERASI AKAN DATANG. ATAS DASAR INI, KERAJAAN TELAH MEMPERKENALKAN PELBAGAI INISIATIF BAGI MELAKSANAKAN TEKNOLOGI HIJAU. TERKINI KERAJAAN MELALUI KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR (KETTHA)

TELAH MELANCARKAN YAYASAN HIJAU MALAYSIA (YAHIJAU) PADA 2 MAC 2014 SEBAGAI USAHA MEMPROMOSI DAN MENINGKATKAN KESEDARAN AWAM TERHADAP TEKNOLOGI HIJAU DAN AMALAN HIDUP HIJAU DI PERINGKAT NASIONAL.

5. SAYA JUGA AMAT BERBANGGA KERANA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA SENTIASA MENYOKONG MELESTARIKAN PEMBANGUNAN NEGARA DENGAN MEWUJUDKAN PARAMETER-PARAMETER KHUSUS BAGI MENGUKUR *GREEN LEVEL* DI SEKTOR PEMBINAAN DAN INFRASTRUKTUR NEGARA. ANTARA PARAMETER YANG TELAH DIAPLIKASIKAN PADA MASA INI ADALAH *GREEN BUILDING INDEX (GBI)*, *GREENPASS*, PENARAFAN HIJAU JKR, DAN YANG TERBARU ADALAH *MALAYSIA GREEN HIGHWAY INDEX*. SAYA YAKIN DENGAN ADANYA PARAMETER-PARAMETER INI AKAN DAPAT MEMBANTU USAHA MENINGKATKAN KUALITI HIJAU DI MALAYSIA. IA JUGA SELARAS DENGAN PELAKSANAAN PROTOKOL KYOTO YANG DIPERSETUJUI DALAM PERSIDANGAN RANGKA KERJA PBB TENTANG PERUBAHAN IKLIM (UNFCCC) BERHUBUNG ISU PEMANASAN GLOBAL.

YBHG. DATO' SERI, DATO-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

6. *MALAYSIA GREEN HIGHWAY INDEX (MyGHI)* ADALAH MERUPAKAN SATU PARAMETER YANG BAIK BAGI MENGUKUR *GREEN LEVEL* DALAM PEMBINAAN LEBUH RAYA SERTA MAMPU MEMBERI IMPAK JANGKA PANJANG TERHADAP KESEIMBANGAN EKOLOGI NEGARA. IA JUGA SEBAGAI PLATFORM UNTUK AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI LEBUHRAYA UNTUK SAMA-SAMA MENZAHIRKAN IDEA BAGI

MEMBANGUNKAN INDEKS LEBUH RAYA HIJAU. DENGAN ADANYA INDEKS INI, MAKA PROSES KE ARAH MEWUJUDKAN LEBUH RAYA HIJAU AKAN DAPAT DIREALISASIKAN. *GREEN HIGHWAY INDEX* INI TELAH DIHASILKAN DENGAN KERJASAMA ANTARA LLM DAN UTM. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA KAJIAN MENGENAI GREEN HIGHWAY INI TELAH DIJALANKAN SUSULAN DARIPADA MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA YANG TERMETERAI SEJAK TAHUN 2010.

7. SEHINGGA KINI USAHA KE ARAH MENGAPLIKASIKAN TEKNOLOGI HIJAU TELAH WUJUD DI BEBERAPA LEBUH RAYA, ANTARANYA SEPERTI PEMASANGAN SISTEM LAMPU LED DI LEBUHRAYA KL-KARAK DAN LEBUHRAYA LALUAN KEDUA MALAYSIA-SINGAPURA, SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN (RAIN WATER HARVERSITING) DI BANGUNAN PEMANTAUAN OPERASI DAN KAWASAN REHAT & RAWAT LEBUHRAYA PLUS SERTA PENGGUNAAN SISTEM SOLAR PADA TELEFON KECEMASAN. USAHA SYARIKAT KONSESI DALAM MEMBANGUNKAN TEKNOLOGI HIJAU AMAT BAIK DAN PERLU DITERUSKAN KE SEMUA LEBUH RAYA DI NEGARA INI. NAMUN BEGITU, TIADA SEBARANG PENGUKURAN MAHUPUN *RATING* KHUSUS DIBUAT BAGI MENGUKUR TAHAP INISIATIF HIJAU YANG DILAKSANAKAN OLEH SYARIKAT KONSESI SEBELUM INI. OLEH YANG DEMIKIAN, INDEKS MYGHI YANG TELAH DIHASILKAN INI TELAH MENGAMBILKIRA PELBAGAI ELEMEN UTAMA MERANGKUMI *ENERGY EFFICIENCY, SUSTAINABLE DESIGN AND CONSTRUCTION ACTIVITIES, MATERIAL AND TECHNOLOGY, ENVIRONMENTAL AND WATER MANAGEMENT DAN SOCIAL AND SAFETY*. YANG MENYUMBANG KE

ARAH KELESTARIAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI HIJAU KHUSUSNYA DI SEKTOR LEBUH RAYA. SELAIN DARIPADA ITU, BAGI MEMUDAHKAN WARGA INDUSTRI LEBUHRAYA DALAM MENGADAKAN SELF ASSESMENT TERHADAP LEBUHRAYA MASING-MASING, SATU APLIKASI WEB-BASED TELAH DIBANGUNKAN SEBAGAI SATU LANGKAH JUGA UNTUK MEMPROMOSIKAN PENGGUNAAN MYGHI INI. IA JUGA AKAN MENJADI SUMBER MAKLUMAT DAN RUJUKAN KEPADA PENGGUNA APLIKASI TERSEBUT YANG TERLIBAT DENGAN PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN LEBUH RAYA.

YBHG. DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

8. BAGI TAHUN 2016, LEBUHRAYA PLUS, LEBUHRAYA KL-KARAK, LEBUHRAYA AKLEH DAN LEBUHRAYA BESRAYA TELAH MELALUI PROSES PENILAIAN HIJAU OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN YANG DITUBUHKAN. PENARAFAN DAN PENGHARGAAN (*RATING / AWARD*) TELAH DIBERI BERDASARKAN PENCAPAIAN DAN *SCOREPOINT* YANG DIUKUR. PENARAFAN AKAN DISAMPAIKAN KEPADA SYARIKAT KONSESI SEBENTAR LAGI SAMADA SYARIKAT KONSESI AKAN MENERIMA '*CERTIFICATE, SILVER, GOLD* ATAU *PLATINUM*'.

9. SELAIN DARIPADA ITU, AKTIVITI PENANAMAN POKOK YANG TELAH DIADAKAN PADA 20 OKTOBER 2017 YANG LEPAS SEBAGAI SIMBOLIK DAN JUGA SEBAGAI SALAH SATU CARA UNTUK MENGGALAKKAN PENGURANGAN KADAR KARBON DIOKSIDA DI UDARA. SELAIN DARIPADA ITU, IA BERTUJUAN DALAM MEMUPUK WARGA DI DALAM INDUSTRI LEBUH RAYA UNTUK TURUT

MENJAGA KELESTARIAN ALAM SEKITAR. AKTIVITI-AKTIVITI HIJAU SEPERTI CERAMAH, PERTANDINGAN VIDEO PENDEK, PERTANDINGAN REKACIPTA BARANGAN TERPAKAI, DEMONSTRASI KEBUN BANDAR TURUT DILAKSANAKAN PADA TAHUN INI UNTUK MENCAPAI MENYOKONG MATLAMAT UTAMA PENGANJURAN HARI HIJAU TAHUN INI DAN BERHARAP AGAR AKTIVITI-AKTIVITI SEPERTI INI TURUT DILAKSANAKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI PADA MASA AKAN DATANG.

YBHG. DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

10. AKHIR KATA, DI KESEMPATAN INI SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PENYEDIAAN HARI HIJAU LLM PADA TAHUN INI DAN SEMOGA KERJASAMA ERAT INI AKAN BERTERUSAN. SAYA AMAT BERHARAP AGAR PENGANJURAN HARI HIJAU INI MEMBERI MANFAAT KEPADA SELURUH WARGA INDUSTRI LEBUHRAYA DAN SENTIASA MENERAPKAN RASA KASIH SAYANG TERHADAP ALAM SEKITAR, MENJAGA KEHARMONIAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR SEPANJANG MASA. DIHARAP JUGA, PROGRAM SEPERTI INI AKAN DAPAT SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MENINGKATKAN PEMBANGUNAN LEBUH RAYA DAN NEGARA YANG MAPAN TERUTAMANYA UNTUK KESELESAAN RAKYAT DAN GENERASI AKAN DATANG.

YBHG. DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

10. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM SAYA
DENGAN INI SUKACITANYA MELANCARKAN HARI HIJAU
LEBUHRAYA LLM 2017 PADA HARI INI.

SEKIAN, TERIMA KASIH